

Istifham (bertanya) setelah menyebutkan ke`aiban-ke`aiban (sesuatu), lebih mendalam lagi ma`nanya daripada perintah meninggalkannya.	الْإِسْتِفْهَامُ عَقِيبَ ذِكْرِ الْمَعَايِبِ أَنْبَغُ مِنَ الْأَمْرِ بِتَرْكِهَا.	قاعدة 24
--	---	----------

**Keterangan:** Bertanya dengan maksud melarang, setelah menyebutkan ke`aiban-ke`aiban sesuatu yang hendak dilarang lebih mendalam lagi ma`na larangannya daripada melarang secara terang.

Qaedah ini boleh diaplikasikan pada firman Allah di bawah ini sebagai contohnya. Allah berfirman:

إِنَّمَا يُرِيدُ الشَّيْطَانُ أَنْ يُوقِعَ بَيْنَكُمْ الْعَدَاوَةَ وَالْبَغْضَاءَ فِي الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ وَيَصُدَّكُمْ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَعَنِ الصَّلَاةِ فَهَلْ أَنْتُمْ مُنْتَهُونَ ﴿٩١﴾

Maksudnya: Sesungguhnya Syaitan itu hanyalah bermaksud mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu dengan sebab arak dan judi dan mahu memalingkan kamu daripada mengingati Allah dan daripada mengerjakan sembahyang. Oleh itu, mahukah kamu berhenti (daripada melakukan perkara-perkara yang keji dan kotor itu atau kamu masih berdegil)? (al-Maa`idah:91).

Setelah Allah mengemukakan sebahagian daripada keburukan arak dan judi, Allah bertanya: “Mahukah kamu berhenti (daripada melakukan perkara-perkara yang keji

dan kotor itu atau kamu masih berdegil)? Pertanyaan ini dikemukakan bukan untuk mengetahui jawapan daripada orang yang ditanya, tetapi untuk melarangnya daripada minum arak dan berjudi. Maka larangan seperti itu lebih mendalam lagi ma'nanya daripada melarang secara terang dengan berkata: "Oleh itu janganlah minum arak dan janganlah berjudi." Kenapa ma'nanya lebih mendalam daripada melarang dengan terang begitu? Jawabnya ialah kerana pertanyaan tersebut dikemukakan setelah disebut keburukan-keburukan arak dan judi terlebih dahulu. Semakin banyak keburukan-keburukannya disebut, semakin mendalamlah pula erti larangan di dalamnya. Lihat juga ayat ke-90 sebelum ayat yang dikemukakan di atas. Di situ sebenarnya sudah tersebut ke'aiban serta keburukan arak dan judi itu, selain ke'aiban dan kerukukannya yang disebutkan di dalam ayat ke-91. Sudah tersebut juga larangan Allah di dalamnya. Lihat firman Allah berkenaan:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اِنَّمَا الْحَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْاَنْصَابُ وَالْاَزْلَمُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطٰنِ فَاَجْتَنِبُوْهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُوْنَ ﴿٩٠﴾

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah itu adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan Syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya. (al-Maa'idah:90).

Jadi maksud pertanyaan di dalam ayat ke-31 di atas ialah larangan. Ia dari segi ma'nanya sama juga dengan kata فانتهوا (maka berhentilah kamu) misalnya. Cuma ma'nanya lebih mendalam daripada berkata: فانتهوا.